



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 4 2019



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad  
Shurazi bin Sukhur

# ISI KANDUNGAN

- PPJ MUNCUL JUARA ANUGERAH APIC 2019 3
- KARNIVAL HIMPUN 209 KUDA MASUK MALAYSIA BOOK OF RECORDS 4
- LAMPU 2019 TONJOL KEPELBAGAIAN ETNIK DI MALAYSIA 5
- PM LANCAR SAMBUTAN JUBLI PERAK PUTRAJAYA 6
- HARI SUKAN NEGARA 2019 7

# PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:  
[ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

# PPj Muncul Juara Anugerah APIC 2019



**P**erbadanan Putrajaya (PPj) berjaya mempamerkan kecemerlangan apabila muncul juara Kategori Awam Negeri pada Persidangan dan Pameran Produktiviti dan Inovasi Tahunan (APIC) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di Pusat Konvensyen Sunway, Petaling Jaya baru-baru ini.

PPj yang diwakili Kumpulan OSCXpert iaitu gabungan Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Korporat telah berjaya menghasilkan Sistem Untuk Memantau Fasa Pembangunan Selaras Keperluan Manual OSC 3.0 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Mereka berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM4,000 berserta trofi dan sijil.

Menerusi sistem ini, PPj dapat menjimatkan kos sebanyak RM4.08 juta setahun dengan penjimatan masa sebanyak 20.6 hari.

Selain OSCXpert, PPj turut diwakili Kumpulan X-10 dari Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Kumpulan K-Max dari Jabatan Perkhidmatan Bandar. Ketiga-tiga kumpulan ini turut menduduki senarai 20 pasukan terbaik dalam kategori sama.

Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Azizi Ahmad Termizi yang mewakili Presiden PPj di Malam Anugerah APIC 2019 tersebut melahirkan rasa kegembiraan bagi kejayaan berkenaan kerana pertama kali dalam sejarah ketiga-tiga kumpulan mendapat kedudukan 20 teratas dan OSCXpert muncul

sebagai johan. Kerjasama secara hibrid di antara jabatan di PPj dapat menghasilkan inovasi yang cemerlang yang memenuhi penilaian panel juri profesional. Komitmen serta sokongan penuh daripada pihak pengurusan PPj terutamanya Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim merupakan faktor utama penyumbang kepada kejayaan tersebut.

APIC 2019 disertai 300 kumpulan dari 126 organisasi sektor swasta dan awam. Majlis penyampaian anugerah itu disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Darell Leiking dan Pengerusi MPC, Tian Chua.

Kumpulan OSCXpert telah membangunkan Sistem OSC 3.0 yang memudahkan pemantauan fasa pembangunan projek di Putrajaya. Sistem ini telah diiktiraf oleh KPKT dan dicadangkan untuk dipanjangkan penggunaannya ke semua pihak berkuasa tempatan dalam masa terdekat.

Kumpulan X-10 pula telah mencipta smart trolley yang berkemampuan menarik beban sebanyak 800 kilogram. Ia digunakan untuk mengangkut peralatan seperti kerusi dan meja di Kompleks PPj bagi pengurusan acara rasmi PPj. Smart trolley mampu menjimatkan lebih 50% masa kerja yang digunakan sebelum ini.

Sementara itu, kumpulan K-Max berjaya menghasilkan produk yang boleh mengenal pasti beg biodegradasi yang dibenarkan dan beg konvensional semasa rutin penguatkuasaan dilaksanakan di premis-premis dalam Putrajaya.



# Karnival Himpun 209 Kuda Masuk Malaysia Book Of Records



**P**enganjuran Putrajaya Horse Show 2019 mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai karnival ekuin terbesar apabila berjaya menghimpunkan 209 kuda pada satu masa dan di lokasi sama.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim, acara tersebut merupakan acara yang julung kali dianjurkan bertujuan mempromosikan Putrajaya sebagai pusat pelancongan sukan berkuda dan Taman Equestrian Putrajaya sebagai salah satu lokasi sukan berkuda.

Ia acara pertama yang menghimpunkan pelbagai disiplin sukan equestrian pada satu masa dan di satu lokasi yang sama seperti acara Show Jumping, Dressage, Endurance, Polo, Demonstrasi Tent Pegging dan memanah berkuda serta aktiviti 'joyride'.

Melalui kejayaan rekod ini, diharapkan pasukan berkuda PPj dan Taman Equestrian Putrajaya khususnya serta Putrajaya umumnya akan terus dikenali di seluruh negara seterusnya antarabangsa.

PPj sentiasa berusaha menjadikan aktiviti berkuda sebagai salah satu aktiviti popular di Putrajaya, selain memperkenalkan Pasukan Unit Berkuda Penguatkuasa PPj dan kemudahan

rekreasi berkuda yang tersedia di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Taman Equestrian Putrajaya mempunyai fasiliti yang agak sofistikated untuk kita menganjurkan program berkuda di Malaysia. Selain itu, ada juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain berminat untuk belajar daripada Perbadanan Putrajaya mengenai Pasukan Unit Berkuda Penguatkuasa PPj untuk ditubuhkan di kawasan mereka.

Pasukan berkuda ini banyak fungsinya, Selain pelancongan ia juga memberi peluang untuk orang ramai mengenal sukan berkuda. Unit berkuda juga digunakan untuk aktiviti penguatkuasaan yang mana kawasan yang kenderaan bermotor tidak boleh pergi atau lalui.





# LAMPU 2019 Tonjol Kepelbagaian Etnik Di Malaysia

**F**estival Light and Motion Putrajaya 2019 (LAMPU 2019) di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan kembali untuk tahun ketujuh dengan konsep kepelbagaian etnik dan budaya Malaysia.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata bertemakan 'Beautiful Malaysia', festival tersebut yang berlangsung bermula 28 Disember hingga 31 Disember menekankan kepada aspek perpaduan bertujuan menerapkan penerimaan kepelbagaian budaya dan etnik sebagai identiti negara.

Selain persembahan projektor video di Bangunan Istana Kehakiman, LAMPU 2019 turut menampilkan beberapa tarikan baharu, antaranya 'Planetarium 360'. Struktur berbentuk kubah berukuran 20 meter radius dan tinggi 10 meter itu dihiasi pertunjukan visual 360 darjah dengan kesan bunyi yang menarik.

Tarikan lain di Dataran Putrajaya termasuklah Laman Kampung Melayu, China Town Street, Little India Street, kumpulan muzik jalanan, wayang kulit, wayang pacak, pemakan api dan aktiviti kanak-kanak.

Buat julung kalinya, pengunjung juga berpeluang merakamkan ucapan secara swafoto yang dipaparkan pada Bangunan Istana Kehakiman.

Pada malam ambang tahun baharu 2020 pula, suasana Dataran Putrajaya diserikan lagi dengan persembahan bunga api dan pertunjukan bunga api digital.

Sementara itu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim, berkata LAMPU 2019 menyasarkan kehadiran sehingga 1.5 juta pengunjung sepanjang empat malam festival itu berlangsung.

Bagi kemudahan pengunjung, PPj turut menyediakan khemah untuk berteduh dan perkhidmatan bas perantara dari Putrajaya Sentral ke tapak festival secara percuma.

Pengangkutan bas disediakan kepada pengunjung untuk ke lokasi yang beroperasi dari jam 6 petang hingga 1.30 pagi dengan kekerapan setiap 30 minit.

Lokasi bas di dua lokasi iaitu dari Putrajaya Sentral, Presint 7 ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan lot Pusat Konvensyen dan Expo Malaysia (MyExpo) di sebelah Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ke Galeria PjH.

Pengunjung yang datang untuk memeriahkan sambutan tersebut boleh meletakkan kenderaan di tempat letak kereta awam disediakan. Lokasi tempat letak kereta disediakan di parkir awam Suruhanjaya Tenaga, Menara Usahawan, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Hotel Dorsett Putrajaya, Monumen Alaf Baru dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Parkir awam lain ialah di belakang Istana Kehakiman, sekitar restoran McDonald's di Presint 2 dan lot pasar malam Putrajaya.

# PM Lancar Sambutan Jubli Perak Putrajaya



**T**un Dr Mahathir Mohamad telah menyempurnakan pelancaran Sambutan Jubli Perak Putrajaya pada malam 28 Disember 2019. Ia sempena kehadiran Perdana Menteri pada Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2019 di Dataran Putrajaya yang dibanjiri puluhan ribu rakyat berbilang kaum, selain pelancong asing.

Dalam ucapan ringkasnya, Perdana Menteri menyatakan kegembiraan kerana dapat melihat Putrajaya mencecah usia 25 tahun. Beliau tidak bermimpi untuk melihat acara seperti ini, tetapi kerjasama, perpaduan, kestabilan dan keamanan negara dapat membangunkan sebuah ibu kota pentadbiran yang gilang-gemilang. Sayangilah Putrajaya dan sayangilah Malaysia, negara kita bersama.

Sambutan Jubli Perak Putrajaya akan berlangsung sepanjang tahun yang padat dengan pelbagai acara, program serta pengisian bermula Januari 2020.

Acara kemuncak sambutan ialah pada 29 Ogos 2020 yang mana Kapsul Masa yang ditanam sendiri oleh Perdana Menteri pada 29 Ogos 1995 akan dikeluarkan dan dibuka. Perdana Menteri kemudian akan menanam kapsul masa baharu untuk dibuka pada Sambutan Jubli Emas Putrajaya.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad serta Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim.

Sempena pelancaran tersebut, Dr. Mahathir turut menyaksikan persembahan Projeksi Pemetaan Cahaya Mega, selain menyampaikan mesej Selamat Tahun Baharu 2020 kepada pengunjung menerusi paparan projeksi.

Turut berlangsung di Dataran Putrajaya ialah Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020 yang turut membabitkan pertunjukan bunga api dan bunga api digital.

LAMPU 2019 berlangsung selama empat hari mulai 28 Disember lalu.





# HARI SUKAN NEGARA 2019

**K**emuncak sambutan Bulan Sukan Negara 2019 disambut meriah hampir 30 ribu orang yang membanjiri perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil.

Majlis perasmian Bulan Sukan Negara Peringkat Kebangsaan 2019 disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Hadir sama, Timbalan Menteri, Steven Sim Chee Keong, Ketua Setiausaha, Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Dato' Ahmad Shapawi Ismail.

Majlis sambutan peringkat kebangsaan kari ini dimeriahkan dengan lebih 75 aktiviti sukan termasuk FitMalaysia, Karnival Kecergasan dan Sukan OKU, Peringkat Akhir e-Sukan, Zumba Fest, Hari Sukan Wanita, Konvensyen Wanita dalam Sukan, serta Karnival Sukan Permotoran.

Sementara itu, pada majlis yang sama bekas jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei bagi pihak Yayasan Lee Chong Wei menyerahkan tajaan berjumlah RM2 juta dengan RM1.4 juta adalah bagi Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan RM600,000 lagi diserahkan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) yang bakal digunakan bagi persiapan menghadapi Sukan Olimpik 2020.

Tidak ketinggalan, kontinjen paralimpik negara juga turut menerima perkhabaran gembira apabila FWD Takaful Berhad, menyumbang penajaan berjumlah RM5 juta untuk tempoh 12 bulan.

